



GAMBAR ATAS... Penulis sedang menyiram air mawar ke atas makam Tunku di Langgar, Alor Star pada salah satu kunjungan beliau ke makam Tunku.

Jenazah Tunku diletakkan di Dewan Parlimen untuk orang ramai dan pemimpin-pemimpin luar dan dalam negara memberi penghormatan terakhir.



SURAT TERAKHIR TUNKU

Foto: KOLEKSI DATUK IDRIS TULIS

IMBAS
KEMBALI

TANGGAL 6 Disember, 06 yang baru lalu adalah hari ulang tahun yang ke-17 kemangkatan **Bapa Kemerdekaan** dan bekas Perdana Menteri Malaysia pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj yang mangkat pada hari tersebut pada tahun 1990.

Saya menerima surat terakhir Tunku bertarikh 24 November 1990 (seperti yang disiarkan disini) iaitu 12 hari sebelum Tunku menghembuskan nafas terakhirnya di Hospital Besar, Kuala Lumpur, dihadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun), Tengku Razaleigh Hamzah dan kaum keluarga Tunku yang terdekat.

Tunku menulis bagi mengucapkan terima kasihnya kerana saya telah menghantar sejambak bunga sebagai pengganti diri disebabkan saya tidak dapat mengunjunginya di **Hospital Gleneagle** di Pulau Pinang dimana Tunku ketika itu sedang menerima rawatan dan saya pula tidak menyangka langsung yang Tunku akan meninggalkan kita buat selama-lamanya beberapa hari kemudian.

Selepas mengutus surat itu, Tunku telah terbang ke Kuching, Sarawak, untuk memenuhi jemputan Kerajaan Negeri itu bagi beliau merasmikan pelancaran tugu untuk memperingati peranan seorang pejuang muda tempatan yang anti British bernama Rosly bin Dhubie.

Rosly telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana didapati bersalah membunuh dengan menikam mati Gabenor Sarawak iaitu seorang rakyat British bernama Duncan Stewart, di Sibupada tahun 1949.

Saya diberitahu oleh anak perempuan Tunku, Tunku Norhayati, bahawa Tunku telah dinasihati oleh doktor peribadinya supaya tidak meneruskan hasratnya terbang ke Kuching memandangkan kepada kesihatan Tunku yang belum pulih sepenuhnya.

Tetapi Tunku bertegas kerana tidak mahu menghampakan pihak yang menunggu kehadirannya. Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Hj Taib Mahmood, telah menghantar jet peribadinya untuk menerbangkan Tunku ke Kuching dan difahamkan, disebabkan keadaan dalam pesawat itu sempit dan tidak selesa, maka itu telah memburukkan lagi keadaan Tunku.

Selepas berucap dan melaungkan kata-kata semangat **merdeka!, merdeka!, merdeka!** beberapa kali dengan penuh emosi, Tunku dikatakan terus tidak se-

darkan diri dan Tunku diterbangkan segera ke Hospital Besar, Kuala Lumpur, dimana Tunku telah dimasukkan ke bilik ICU untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Ketika itu Perhimpunan Agung UMNO sedang berlangsung dan saya mengikutinya sebagai ahli biasa dan dimasa itulah saya bertembung dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali (Tun) yang berta nyanya kepada saya samada saya telah melawat Tunku yang sedang sakit di hospital. Sebelum itu saya tidak menyedari yang Tunku telah pulang dari Sarawak dan sudah berada di hospital.

HUBUNGAN RAPAT

Saya bergegas mengunjunginya Tunku di Hospital untuk mengetahui keadaan Tunku yang sebenarnya. Saya dapati Tunku dalam keadaan separuh sedar dan tidak boleh bercakap dan hanya mampu mengerang kerana kesakitan.

Dengan air mata berlinangan, saya mengurut kedua-dua belah kakinya yang sejuk sebelum Tunku dipindahkan ke Wad Di Raja di atas arahan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung ketika itu, Sultan Azlan Shah yang mempunyai hubungan rapat dan amat sayang kepada Tunku.

Setelah berada di hospital beberapa hari dikalamana doktor-doktor berhempas pulas untuk menyelamatkan Tunku diatas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

• LIHAT MUKA 9

Surat terakhir daripada Tunku kepada saya bertarikh 24 November 1990 selepas Tunku dibenarkan keluar daripada Hospital Gleeneagle, Pulau Pinang, dan sebelum Tunku berlepas ke Kuching, Sarawak.

Era Baru - 20/4/2007



NOVEMBER 24, 1990.

ENCIK IDRIS TULIS & FAMILY
 FORARI BUSINESS & INDUSTRIAL CONSULTANTS
 LOT 1.05-1.07 GROUND FLOOR
 WISMA CENTRAL
 JALAN AMPANG
 50450 KUALA LUMPUR.

My dear Idris

IT WAS MOST KIND OF YOU TO SEND ME FLOWERS WHEN I WAS IN HOSPITAL TO WISH ME A SPEEDY RECOVERY.

I AM NOW BACK HOME AND GETTING BETTER AND HOPE TO BE BACK ON MY FEET SOON.



MAY GOD BLESS YOU FOR YOUR KIND THOUGHT FOR ME.

Tunku Abdul Rahman Putra

(TUNGU ABDUL RAHMAN PUTRA)

TUNGU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ (DMN. CH.), A.C.,
 16, Jalan Tunku Abdul Rahman, 10350 Pulau Pinang. Tel. 374876
 1, Jalan Tunku, 50430 Kuala Lumpur. Tel. 2983914

> Tunku ketika di rawat di bilik ICU di Hospital Besar Kuala Lumpur. Kelihatan Almarhum Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sedang mendengar penerangan tentang keadaan Tunku daripada menantu Tunku, Dato' Syed Hussein. Ketika berangkat pulang dari hospital, Sultan Selangor menangis kerana telah mengenali Tunku sejak menuntun di London.



Imam Masjid Negara Dato' Shahir, sedang membaca doa bersama para hadirin sebelum jenazah Tunku di bawa ke Rumah Parlimen untuk diberi penghormatan terakhir.

Mahathir Mohamad (Tun) yang datang melawat Tunku setiap hari, Tunku akhirnya terpaksa menyerah kepada takdir dan kehendak penciptanya, Allah S.W.T. pada 6 Disember, 1990.

Ketika Tunku tidak sedarkan diri, saya sentiasa berada di sisinya membacakan ayat-ayat suci dan surah *Yasin* bersama seorang Ustaz. Saya sempat juga membisikkan ke telinga Tunku untuk memohon ampun dan maaf diatas apa jua kesilapan saya semasa dan selama saya rapat dengannya dalam usaha saya memulihkan hubungannya dengan Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain yang telah renggang semula setelah saya berjaya menemukan kedua-dua tokoh yang disayangi itu pada 11 November, 89.

Saya juga membisikkan ke telinga Tunku memohon agar beliau memaafkan para pemimpin yang telah mengguris hati beliau diakhir-akhir hayatnya dengan kata-kata kesat sehingga *Bapa Kemerdekaan* itu dilihat dipinggirkan oleh rakan-rakan lama mungkin kerana takut jawatan masing-masing terjejas jika mereka dilihat bersama dan berbaik dengan *Bapa Kemerdekaan* itu.

gar, Alor Setar, Kedah berdekatan dengan pusara bondanya. Tunku telah menulis surat wasiat kepada Kerajaan Malaysia berkenaan hal itu.

Sebenarnya juga, Tunku sangat kecewa dengan kata-kata dan dakwaan yang telah dilemparkan dan yang telah mengguris hatinya bahawa kononnya Tunku membina *Makam Pahlawan* itu dengan tujuan bahawa beliau sendiri mahu disemadikan disitu.

Tunku menjelaskan kepada saya bahawa beliau tidak pernah berniat seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Menurut Tunku Makam Pahlawan itu dibina adalah semata-mata untuk jenazah diletakkan disitu bagi membolehkan orang ramai bertafakur dan memberi penghormatan terakhir sebelum disemadikan di luar Makam Pahlawan itu.

Apa pun apabila Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Dato' Abdul Rahman (ketika itu menjalankan tugas sebagai Pemangku Perdana Menteri), kerana Perda-

na Menteri Tun Abdul Razak berada di luar Negara meninggal dunia, Tun Razak telah tergesa-gesa pulang ke tanah air dan terus mengarahkan supaya Tun Dr Ismail, sahabat dan rakan seperjuangannya, disemadikan di bawah anjung *Makam Pahlawan* itu.

Kini, selain dari Tun Dr Ismail yang mendapat penghormatan disemadikan disitu ialah Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Abdul Ghafar Baba.

Dalam pada itu, ramai yang berpendapat bahawa Tunku juga sepatutnya disemadikan di *Makam Pahlawan* sebagai seorang pejuang bangsa yang berani dan gagah menentang penjajah dan komunis selain dari dikenali sebagai *Bapa Kemerdekaan* dan juga kedudukannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan sebabkan makam Tunku terletak begitu jauh dari ibu Kota, maka sukar bagi orang ramai untuk menziarahkannya.

Sementara itu, beberapa bekas pejuang tanah air seperti Tan Sri Abdul Kadir Yusof (suami kepada bekas Ketua Ibu UMNO, Tun Dr Fatimah Hj. Hashim); Tun Syed Jaafar Albar (bapa kepada Dato' Seri Syed Hamid Albar); Tun Syed Nasir Ismail (bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), Tan Sri Mohd Noah bin Omar (Datuk kepada Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak), Tun Haji Sardon bin Haji Jubir (bekas Menteri Pengangkutan dan bekas Gabenor Pulau Pinang) dan yang terbahru ialah Tan Sri Mohd. Khir bin Johari telah diberi penghormatan untuk disemadikan diluar *Makam Pahlawan*.

Dalam pada itu, amat menarik apabila satu resolusi telah diluluskan oleh cawangan MIC Simpang Renggam Johor, baru-baru ini mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat supaya Hari Keputeraan Tunku pada 8 Februari setiap tahun diistiharkan sebagai Hari Kelepasan Am. Ini adalah satu cadangan yang tepat dan sepatutnya diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan, walaupun cadangan ini dibuat oleh pihak MIC dan bukan UMNO yang Tunku menjadi Presidennya berpuluh-puluh tahun.

● Saya sempat juga membisikkan ke telinga Tunku untuk memohon ampun dan maaf diatas apa jua kesilapan saya semasa dan selama saya rapat dengannya dalam usaha saya memulihkan hubungannya dengan Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain yang telah renggang semula setelah saya berjaya menemukan kedua-dua tokoh yang disayangi itu pada 11 November, 89

TERKILAN

Satu perkara yang membuatkan saya berasa terkilang ialah kerana Tunku telah menghembuskan nafas terakhirnya ketika saya tidak berada disisinya kerana saya telah pulang ke rumah untuk menukar pakaian setelah berada dihospital sehari suntuk.

Justeru, sampai di rumah saya menerima panggilan telefon dari anak saudara saya, Norazah Tan Sri Ahmad Razali, yang menyatakan bahawa Tunku telah tiada lagi. Saya terkejut dan tergamam buat seketika dan berasa amat sedih dan tanpa disedari air mata mengalir kerana hiba dengan kepergian Tunku yang kita kasihi itu, biar pun sebelum itu saya telah diberi tahu oleh doktor yang merawatnya bahawa peluang bagi Tunku untuk pulih semula adalah agak tipis.

Tanpa melengahkan masa, saya bergegas ke hospital tetapi jenazah telah dibawa ke kediaman Tunku di Jalan Tunku dimana juga pada November 11, 89 saya telah berjaya menemukan Dr Mahathir dengan Tunku untuk kedua-dua pemimpin Melayu itu bersejua dan membincangkan tentang perpaduan orang Melayu.

Dalam pada itu dengan kehendak Tunku sendiri seperti yang pernah dijelaskan kepada saya semasa hayatnya, Tunku tidak mahu disemadikan di *Makam Pahlawan* di Masjid Negara.

Tunku sebaliknya memilih *Makam Di Raja* di Lang



Keratan akhbar New Straits Times bertarikh 7 Disember 1990 menyiarkan di muka hadapan tentang kemangkatan Bapa Kemerdekaan itu



Antara keratan akhbar yang memaparkan tentang kemangkatan Tunku.

